

Maut ditimbus konkrit

BH 30/03/10 m/s 15'

Empat cedera perancah besi bangunan runtuh

Oleh Azman Mahmood
azmanm@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Seorang buruh warga Bangladesh maut, manakala empat lagi rakananya cedera apabila perancah besi bagi pembinaan bangunan Institut Oseanografi dan Institut Akuakultur Universiti Malaysia Terengganu (UMT) runtuh, petang semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Terengganu, Pauzan Ahmad, berkata buruh terabit tertimbus dalam konkrit simen yang masih basah dan meninggal dunia di tempat kejadian.

Katanya, empat rakan mangsa dilaporkan cedera, termasuk seorang cedera parah akibat dihempap dan terjatuh dari perancah besi yang runtuh ketika semua mangsa sedang melakukan kerja pembinaan konkrit tangki air jam 5.10 petang.

Bagaimanapun, identiti semua mangsa yang dikehjarkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) belum diperoleh, katanya kepada pemberita di

tempat kejadian.

"Ketika sedang melakukan kerja-kerja menyiapkan tangki air di tingkat empat bangunan itu iaitu di ketinggian 118 meter, perancah besi yang diduduki oleh beberapa pekerja tiba-tiba runtuh bersama konkrit tangki air yang masih belum keras.

"Konkrit bersama perancah itu kemudian menimpa beberapa orang lagi pekerja Bangladesh yang sedang melakukan kerja-kerja membancuh simen di bawah," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said yang melawat tempat kejadian sejurus selepas menerima maklumat melahirkan rasa sedih terhadap kejadian itu.

Beliau tidak menolak kemungkinan kejadian itu berpunca daripada kecuanian pekerja itu sendiri yang tidak sepatusnya berlaku.

"Majikan dan pekerja di tapak pembinaan sepatusnya sentiasa mengutamakan aspek keselamatan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku seperti kejadian ini," katanya.



AHLI bomba cuba mengeluarkan mangsa di tapak projek pembinaan bangunan Institut Oseanografi dan Institut Akuakultur UMT, semalam.

ASWADI ALIAS | BERITA HARIAN